

# USIM, pergiat usaha capai visi USIM'16

**SEREMBAN 18 Sept.** - Pelbagai usaha sedang giat dilakukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi memastikan visinya untuk menjadi sebuah institusi rujukan serantau integrasi ilmu naqli dan aqli menjelang 2016 (USIM'16) tercapai.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, program seperti pengantarabangsaan merupakan inisiatif terkini yang dilihat menjadikan universiti tersebut berada pada landasan tepat.

"Bagi memperkukuhkan usaha agar cita-cita tersebut tercapai, Festival Islamik Global (GIF2015) akan mengambil tempat bermula hari ini sehingga 7 Oktober ini.

"Justeru sejajar dengan penganjurannya, kita turut menjemput beberapa panel untuk menjayakan program syarahan wasatiyyah yang merupakan antara agenda penerusan budaya dan tradisi keilmuan khususnya buat masyarakat USIM,"

katanya ketika berucap pada majlis syarahan wasatiyyah USIM dan pelancaran GIF2015 dan iTunes dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Zaini Ujang.

Menurut Musa, program yang menggunakan tema memperkasakan budaya ilmu dalam pembinaan ketamadunan Islam itu bersesuaian dengan gagasan wasatiyyah sekali gus sejajar dengan aspirasi USIM untuk mencapai visi sebagai institusi rujukan serantau 2016.

Musa turut menjelaskan, GIF2015 yang julung kali diadakan itu turut memuatkan sembilan pro-



**MUSA AHMAD**

gram lain antaranya diskusi pengurusan kewangan Islam, seminar keselamatan dan insurans serta minggu antarabangsa USIM.

Di samping itu, USIM turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat INDKOM Engineering Sdn. Bhd. (INDKOM Engineering) yang melibatkan kerjasama khidmat

perundingan dan latihan dalam pembangunan sistem perancangan sumber pengeluaran (MRP).

Diwakili Pengarah Urusannya, Jamaludin Mohd. Wari, INDKOM Engineering akan bekerjasama dengan USIM menerusi kepakaran disediakan Fakulti Sains dan Teknologi.